

TARIKH	30 / 04 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	12	RUANGAN	

SUSULAN MERS-CoV

## Saringan kesihatan di KLIA diteruskan

» Pemeriksaan penumpang tiba dari Asia Barat atasi penularan

Oleh Suhaila Shahrul Annuar  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Saringan kesihatan di pintu masuk negara terhadap semua penumpang yang tiba dari Asia Barat bagi mengesan Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV) akan diteruskan untuk mengekang penularannya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata saringan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) itu, membabitkan pemeriksaan suhu badan, terutama bagi jemaah

umrah yang baru pulang dari Makkah.

### Tempoh pemantauan

"Jika pemeriksaan suhu badan mendapati mereka demam dan gejala MERS-CoV dikesan, pemeriksaan kesihatan lanjut perlu dibuat. Ini penting bagi mengekang penularan virus berkenaan di negara ini."

"Tempoh pemantauan penularan MERS-CoV adalah empat minggu selepas 8 April lalu. Jadi, sekiranya tiada sebarang kes dilaporkan selepas tempoh itu, kita akan isytiharkan ia di bawah kawalan," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Sidang Kemuncak Permimpinan Kesihatan Peringkat Kebangsaan: Pesakit Untuk Keselamatan Pesakit Malaysia.

Sehingga kelmarin, Arab Saudi melaporkan 39 kematian akibat MERS-CoV sepanjang bulan ini, yang turut

membabitkan seorang bayi berusia sembilan bulan.

Kematian pertama di Malaysia akibat virus itu membabitkan seorang lelaki berusia 54 tahun dari Batu Pahat, Johor pada 29 Mac lalu, 10 hari selepas kembali daripada menjalani kerja umrah.

### Rekod WHO

Mengenai seminar dua hari yang dirasmiannya semalam, Dr Subramaniam berkata, sistem penyampaian kesihatan di negara ini perlu sentiasa berada pada tahap optimum bagi memastikan proses penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang diberi kepada pesakit, sama ada di hospital kerajaan atau swasta, adalah yang terbaik.

Berdasarkan rekod Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira 1.5 juta orang di seluruh dunia mendapat jangkitan daripada hospital setiap tahun, terutama membabitkan kes seperti jangkitan



"  
Jika pemeriksaan suhu badan mendapati mereka demam dan gejala MERS-CoV dikesan, pemeriksaan kesihatan lanjut perlu dibuat"

Dr S Subramaniam,  
Menteri Kesihatan

daripada pesakit lain melalui alat bantuan pernafasan.

"Di Malaysia, data 2012 mendapati 1,855 pesakit merima dos atau ubat yang salah serta mendapat preskripsi ubat yang sepatutnya daripada doktor, selain 991 kes jatuh di hospital," katanya.